

PENDIDIKAN JASMANI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN


TINGKATAN 3

6.0 PENYAKIT

1. Taipkan **BETUL** atau **SALAH** pada punca yang membolehkan seseorang itu dijangkiti HIV.

Punca	Jawapan
a. HIV merupakan sejenis penyakit jangkitan virus	
b. Jangkitan virus HIV merosakkan sistem pertahanan badan	
c. Jangkitan HIV hanya dijangkiti dalam kalangan homoseksual sahaja	
d. Perhubungan seks tanpa perlindungan	
e. Menyusu daripada seorang ibu pembawa HIV	
f. Gigitan nyamuk atau serangga	
g. Virus HIV membunuh sel Pembantu-T yang penting dalam sistem imunisasi tubuh.	
h. Pemindahan organ	
i. Berenang bersama-sama di kolam renang awam	
j. Pergaulan harian di sekolah atau tempat kerja	

2. Susun peringkat terjadinya jangkitan AIDS mengikut urutan yang betul.



3. Pernyataan di bawah adalah tentang kaedah pencegahan jangkitan HIV dan AIDS daripada merebak. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- a. Tidak melakukan perhubungan seks sebelum _____.
- b. Jangan melakukan hubungan seks secara _____.
- c. Tidak berlaku _____ bagi pasangan suami isteri.
- d. Berpegang pada ajaran _____.
- e. Jauhi _____ dan tidak berkongsi _____.
- f. Saring semua simpanan _____.
- g. Elakkan daripada berkongsi peralatan _____ seperti pisau cukur dan berus gigi.
- h. Sentiasa _____ dan berjaga-jaga apabila berhadapan dengan situasi yang melibatkan pemindahan darah dan _____.